

PRIVACY STATEMENT

UPDATED AS AT JANUARY 2024

1. Introduction

This Privacy Statement sets out how Destination Resorts and Hotels Sdn Bhd and/or its subsidiaries (collectively referred to as “DRH”, “us”, “our” or “we”) collect, use and share information about you when you interact on our website (<https://www.drh.com.my/>) and mobile application (collectively “Sites”) or otherwise in your dealings with us.

This Privacy Statement describes the information we collect, how it is used, and when it may be shared with others, how we are committed to protect its confidentiality and security, and also your right to access and update your personal information.

2. Consent

Your consent to the terms of this Privacy Statement will be obtained when you make booking or purchase products and services offered by us, registering for marketing communications or otherwise corresponding with us via the Sites, or if required by applicable law. Otherwise, when you voluntarily disclose personal data to us or your continued use of the Sites will constitute your deemed consent to the terms of this Privacy Statement.

You consent to our use of your personal information shall be processed in accordance with this Privacy Statement unless and until you inform us to the contrary. Except as disclosed in this Privacy Statement or as required or permitted by applicable law, we will not disclose or share your personal information to third parties without your consent.

By providing us personal information of any third party individual(s), you represent and warrant that the individual(s) has been informed of and consents to the terms and conditions of this Privacy Statement, as may be amended from time to time. Personal information of children below 18 years of age can only be provided if you are the parent or legal guardian.

3. Defining Personal Information

Personal information refers to any information which relates directly or indirectly to you. This includes any information that can be used to distinguish, identify or contact you and it may include sensitive personal information which relates to your health, political opinions, religious beliefs and others sensitive information which is necessary for the purposes as identified in this Privacy Statement.

4. Personal Information We Collect

We collect and maintain personal information that you have provided in our Sites or provided to us in any other way. You can choose not to provide certain personal information, but you may not be able to enjoy all the features of our Sites, or the products and services offered by us. Here are the types of personal information that we collect:

- Personally identifiable information such as name, date of birth, identification supporting documents (including NRIC or passport number), gender, nationality and race, preferred language;
- Contact information such as address, phone numbers, fax number and email address;
- Payment information such as credit or debit card information and bank account details;
- Transaction information such as information relating to your booking or purchase of our products or services, recording of calls placed by you to our help desk in connection with our products and services; and
- Technical information such as ID and location of the electronic device you use when accessing our Sites, IP address, search preferences and geographical data.

5. When and how we collect your Personal Information?

We may collect personal information directly from you or from your authorised representatives (i.e. persons whom you have authorised, persons who have been validly identified as being you or your authorised representative), from third parties (e.g. agents or service providers) or the personal information of your family members where you disclose the same on their behalf.

Information may be collected when you:

- Use any of our products or services, or access our Sites;
- Communicate with us such as by telephone (e.g. call may be recorded for quality and reference purpose which includes the usage of the recordings for internal training, fraud detections and security purposes), email, in writing or through our customer services page, official business messaging and social media platform;
- Register, participate or subscribe to any of our marketing and promotional newsletter, surveys, marketing promotions and campaigns such as competition, special event, loyalty programmes that offered by us; or
- Commence a business relationship with us (e.g. as a service provider/business partner).

Other than personal information obtained from you directly (as detailed above), we may also obtain your personal information from third party such as our affiliated entities, business partners or other third party providers (e.g. when you make reservation with one of our business partners, we may receive certain personal information such as your name, contact and reservation details in order for us to process your reservation with us) or other lawful sources as permitted by the laws. For example, if you access or sign in to our Site through third party social media or messaging platforms, certain personal information such as your username, email account and other information made available in such platforms may be shared with us. In general, your ability to provide such information is through the relevant third parties themselves and you can change those settings in your account settings of the relevant third parties.

6. How we use your Personal Information

We may collect and use personal information received from you or from third parties identified in this Privacy Statement, for the following purposes: -

- Necessary for the fulfilment and completion of your transaction with us in relation to our products and services such as processing your reservation, identity verification, contacting you about the products or services requested, billing your credit card for advance reservations or deposits, customer support, responding to your inquiries, complaints and other communications;
- Sending you marketing communications such as updates, news, events and promotions about our products and services if you choose to receive such communications;
- Business development purposes such as business analytics to produce data, reports and statistics which shall be anonymized or aggregated in a manner that does not identify you as an individual, quality assurance, customer surveys to improve our existing and future products and services;
- Compliance with the applicable legal and regulatory requirements;
- Financial purpose such as payment card verification, assessment of credit worthiness, accounting or audit; and
- Maintenance and improvement of the Sites such as tailor the user experience by customising the content in our Sites to display products and services that may be relevant to you, internal training.

7. Sharing of your Personal Information

- In connection with your use of our Sites, products and services, we may share your personal information as follows:

- Fulfilment of transaction with third party suppliers of products and services such as tour operator, transportation and accommodation providers, insurance and activity providers, where you have requested or subscribed for their products or services;
- Payment network operators and credit card verification providers (e.g. VISA, MasterCard);
- Business partners with whom we may jointly offer certain products and services, or whose products or services may be offered on our Sites. If you choose to access these optional products or services, we will on occasion share your personal information with those partners. Examples of business partners would be (i) a third-party loyalty program that you will earn points for, through a booking, or (ii) a third-party tour or activity provider that we share information with in connection with tours/activities you book through our Sites;
- Trusted third party service providers who provide data processing services for us. Our third party service providers will only process information as needed to perform their functions, based on our instructions and in compliance with any other appropriate security and confidentiality measures. They are not permitted to share or use the information for any other purpose;
- Our affiliated group of companies who have access to this information with our permission and who need to know or have access to this information in order for us to: (i) provide you with products and services on a consistent basis; (ii) internal audit or investigations; or (iii) as otherwise required or permitted by applicable law;
- Where required or permitted by law, we may disclose your personal information if we have a good faith belief that the disclosure is reasonably necessary for us to: (i) comply with any applicable law, regulation, legal process or enforceable governmental request or legal demands; (ii) protect our legitimate interests such as to enforce or apply the terms and conditions applicable to our products and services, or to detect, investigate, prevent or otherwise address any fraud, illegality, security or other wrongdoings; or (iii) protect against harm to the rights, property or safety of DRH, our users, or others; and
- Corporate restructuring or exercise such as any sale, transfer or assignment of our business, assets or liabilities to another party, or transition of our products and services to another service provider. We will seek your consent if required by applicable law.

8. Marketing Communications

You can choose how you receive marketing communications from us. All marketing communications we send to you will provide you with a way to withdraw your consent to future marketing. If you no longer wish to receive marketing, you can opt out of receiving marketing communications from us at any time by using the "Unsubscribe" link or opt out mechanism in our marketing communication or channels. We will honor your request within a reasonable time upon receiving it or sooner if required by applicable law. Please note that if you unsubscribe from marketing communications you will still receive operational and service messages from us regarding your booking and responses to your enquiries made to us, and that we may hold your details so we do not send you marketing communications in the future.

9. Protecting Your Personal Information

We maintain reasonable physical and electronic security measures to protect your personal information against accidental or unlawful disclosure, access, alteration, loss or destruction. We will secure the storage of your personal information in compliance with the minimum security measures prescribed under the Malaysian Personal Data Protection Act 2010, its regulation and standards, in the following ways:

- register those who have access to the personal information;
- control and limit access based on necessity;
- maintain proper record of access, sharing and transfer of personal information;
- ensure our employees involved in the collection or processing of personal information to protect confidentiality of the same;

- establish physical security procedures;
- bind third parties involved in processing of personal information;
- do not use removable device and cloud computing service to transfer or store personal information unless with written consent from our top management; and
- conduct awareness programmes to all employees on responsibility to protect personal information.

10. How long We Keep Your Personal Information

Whenever we collect or process your personal information, we will only keep it for as long as necessary to provide our Products and/or Services, to exercise our legal rights, to protect our or other's interests, and to comply with all relevant legal or regulatory obligations. Where there is no sufficient justification to retain your personal information, such personal information will be deleted, disposed of, blocked and/or anonymised for example by aggregation with other data so that it can be used in a non-identifiable way for statistical analysis.

11. Your Rights

You may submit a request to withdraw your consent at any time by contacting us. However, if you choose not to provide certain personal information, or consent to its use and disclosure, this may limit the products and services that we can offer you and, on some occasions, restrict our ability to fulfil your transactions with us.

You are able to access, or request us to modify, update or delete your personal information that we collected in accordance with this Privacy Statement, by contacting us at general@drh.com.my and where applicable pay a reasonable fee if permitted by applicable law. Please note that, in certain circumstances, we may not be able to allow you access, modify or update certain personal information (e.g. if your personal information is connected with personal information of other persons, or for legal reasons), or required to retain some of your personal information after you have requested for deletion, to satisfy our legal or contractual obligations.

12. Online dealings with DRH's Cookies

We collect information about your use of our Sites from cookies. Cookies are packets of information stored in your device which assist your website navigation by customizing site information tailored to your needs. Cookies in themselves do not identify the individual user, just the computer used. You are not obliged to accept cookies. If you are concerned, you can set your computer either to accept all cookies, to notify you when a cookie is issued, or not to receive cookies at any time. However, rejection of cookies may affect your use of our Sites as we will be unable to personalize aspects of your use of the Sites.

13. Links to Third Party Websites

We may provide links to other websites or platforms (including social messaging platforms such as WhatsApp, Facebook Messenger, etc) that are not owned by operated by us ("Third Party Sites") in our Sites. If you access such Third Party Sites using the links provided, the operators of these Third Party Sites may collect your personal information. To determine how they deal with your personal information, you should read their respective privacy statements as we are not responsible for other Third Party Sites or their privacy practices. We do not assume responsibility or liability of any nature whatsoever for the activities conducted or information contained in the Third Party Sites.

14. Transfer of your Personal Information outside Malaysia

We may transfer and store your personal information outside Malaysia in accordance with the terms and standards as set out in this Privacy Statement. Where your personal information is transferred to other third parties as described above

outside Malaysia, we shall take reasonable steps to ensure that such personal information is transferred with adequate security and processed in accordance with the applicable law to maintain your privacy.

15. Updates to our Privacy Statement

We may revise and update this Privacy Statement from time to time and without notice to reflect changes in the law, new or unanticipated uses not previously disclosed in our Privacy Statement, changes in our privacy practices, or advances in technology. Any revision or changes would be posted in this Privacy Statement and therefore you should review our Privacy Statement periodically so that you are aware of our most current privacy practices.

16. Additional Notes

This Privacy Statement has originally been drawn up in the English language. Translation in BM language is available for your convenience. In case of conflict between the English language version and a translated version, the English language version shall prevail.

17. Contact Us

If you have any enquiries about this Privacy Statement, our privacy practices or wish to exercise any of your rights as described above, please contact our data privacy officer by email at general@drh.com.my or by sending a registered letter to the address below:

Destination Resorts and Hotels Sdn Bhd
Level 8, Surian Tower, No. 1 Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan Malaysia.

PENYATAAN PRIVASI

DIKEMASKINI SETAKAT JANUARI 2024

1. Pengenalan

Penyataan Privasi ini menetapkan cara Destination Resorts and Hotels Sdn Bhd dan/atau anak syarikatnya (secara kolektifnya dikenali sebagai "DRH", "kita", "kita punya" atau "kami") mengumpul, menggunakan dan berkongsi maklumat tentang anda apabila anda berinteraksi di laman web kami (<https://www.drh.com.my/>) dan aplikasi mudah alih (secara kolektifnya dikenali sebagai "Laman Web") atau melalui urusan atau transaksi anda dengan kami.

Penyataan Privasi ini menerangkan maklumat yang kami kumpulkan, cara ia digunakan, dan bila ia mungkin dikongsi dengan orang lain, bagaimana kami komited untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatannya, dan juga hak anda untuk mengakses dan mengemas kini maklumat peribadi anda.

2. Persetujuan

Persetujuan anda terhadap terma-terma Penyataan Privasi ini akan diperoleh apabila anda membuat tempahan atau membeli produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami, mendaftar untuk komunikasi pemasaran atau berhubung dengan kami melalui Laman Web, atau jika dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan. Jika tidak, apabila anda secara sukarela mendedahkan maklumat peribadi anda kepada kami atau penggunaan Laman Web secara berterusan akan dianggap sebagai persetujuan anda kepada terma Penyataan Privasi ini.

Persetujuan anda untuk kami menggunakan maklumat peribadi anda akan diproses seperti yang dinyatakan dalam Penyataan Privasi ini melainkan dan sehingga anda memaklumkan kami sebaliknya. Selain daripada yang dinyatakan dalam Penyataan Privasi ini atau diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang berkenaan, kami tidak akan mendedahkan atau berkongsi maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak lain tanpa persetujuan anda.

Dengan memberikan kami maklumat peribadi mana-mana individu pihak ketiga, anda mewakili dan menjamin bahawa individu tersebut telah dimaklumkan dan bersetuju dengan terma dan syarat Penyataan Privasi ini, yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa. Maklumat peribadi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun hanya boleh diberikan jika anda adalah ibu bapa atau penjaga yang sah.

3. Pentakrifan Maklumat Peribadi

Maklumat peribadi merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda. Ini termasuk sebarang maklumat yang boleh digunakan untuk membezakan, mengenal pasti atau menghubungi anda dan ia mungkin termasuk maklumat peribadi sensitif yang berkaitan dengan kesihatan anda, pendapat politik, kepercayaan agama dan maklumat sensitif lain yang diperlukan untuk tujuan seperti yang dikenal pasti dalam Penyataan Privasi ini.

4. Pengumpulan Maklumat Peribadi

Kami mengumpul dan mengekalkan maklumat peribadi yang telah anda berikan dalam Laman Web kami atau berikan kepada kami dengan cara lain. Anda boleh memilih untuk tidak memberikan maklumat peribadi tertentu, tetapi anda mungkin tidak dapat menikmati semua ciri-ciri dalam Laman Web kami, atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami. Berikut adalah jenis-jenis maklumat peribadi yang kami kumpulkan:

- Maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi seperti nama, tarikh lahir, dokumen sokongan pengenalan (termasuk nombor kad pengenalan atau passport), jantina, kewarganegaraan dan bangsa, bahasa pilihan;
- Maklumat hubungan seperti alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel;

- Maklumat pembayaran seperti maklumat kad kredit atau debit dan butiran akaun bank;
- Maklumat transaksi seperti maklumat yang berkaitan dengan tempahan anda atau pembelian produk atau perkhidmatan kami, rakaman panggilan yang dibuat oleh anda ke meja bantuan kami berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami; dan
- Maklumat teknikal seperti ID dan lokasi peranti elektronik yang anda gunakan semasa mengakses Laman Web kami, alamat IP, pilihan carian dan data geografi.

5. Bila dan bagaimana kami mengumpul Maklumat Peribadi anda?

Kami mungkin mengumpul maklumat peribadi secara langsung daripada anda atau daripada wakil anda yang diberi kuasa (iaitu orang yang anda telah beri kuasa, orang yang telah dikenal pasti secara sah sebagai anda atau wakil anda yang diberi kuasa), daripada pihak ketiga (cth. ejen atau pembekal perkhidmatan) atau maklumat peribadi ahli keluarga anda dimana anda mendedahkan perkara yang sama bagi pihak mereka.

Maklumat boleh dikumpul apabila anda:

- Gunakan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, atau akses Laman Web kami;
- Berkomunikasi dengan kami seperti melalui telefon (cth. panggilan mungkin dirakam untuk tujuan kualiti dan rujukan yang merangkumi penggunaan rakaman untuk latihan dalaman, pengesanan penipuan dan tujuan keselamatan), e-mel, secara bertulis atau melalui halaman perkhidmatan pelanggan kami seperti perkhidmatan pemesejan rasmi perniagaan dan platform media sosial;
- Mendaftar, menyertai atau melanggan mana-mana surat berita pemasaran dan promosi, tinjauan, promosi dan kempen pemasaran kami seperti pertandingan, acara khas, program kesetiaan yang ditawarkan oleh kami; atau
- Mulakan hubungan perniagaan dengan kami (cth. sebagai pembekal perkhidmatan/rakan kongsi perniagaan).

Selain daripada maklumat peribadi yang diperolehi daripada anda secara langsung (seperti yang diperincikan di atas), kami juga mungkin mendapatkan maklumat peribadi anda daripada pihak ketiga seperti entiti gabungan kami, rakan kongsi perniagaan atau pembekal pihak ketiga yang lain (cth. apabila anda membuat tempahan dengan salah satu rakan kongsi perniagaan kami, kami mungkin menerima maklumat peribadi tertentu seperti nama anda, butiran hubungan dan tempahan untuk kami memproses tempahan anda dengan kami) atau sumber lain yang sah seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Contohnya, jika anda mengakses atau melog masuk ke Laman Web kami melalui media sosial atau platform pemesejan pihak ketiga, maklumat peribadi tertentu seperti nama pengguna, akaun e-mel anda dan maklumat lain yang tersedia dalam platform tersebut mungkin dikongsi dengan kami. Secara umum, keupayaan anda untuk memberikan maklumat sedemikian adalah melalui pihak ketiga yang berkaitan dan anda boleh menukar tetapan tersebut dalam tetapan akaun anda bagi pihak ketiga yang berkaitan.

6. Bagaimana kami menggunakan Maklumat Peribadi anda

Kami mungkin mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi yang diterima daripada anda atau daripada pihak ketiga yang dikenal pasti dalam Pernyataan Privasi ini, untuk tujuan berikut:

- Diperlukan untuk memenuhi dan menyelesaikan transaksi anda dengan kami berhubung dengan produk dan perkhidmatan kami seperti memproses tempahan anda, pengesahan identiti, menghubungi anda tentang produk atau perkhidmatan yang diminta, menyediakan bil kad kredit anda untuk tempahan atau deposit awal, sokongan pelanggan, menjawab pertanyaan, aduan dan komunikasi-komunikasi lain;
- Menghantar komunikasi pemasaran kepada anda seperti kemas kini, berita, acara dan promosi tentang produk dan perkhidmatan kami jika anda memilih untuk menerima komunikasi sedemikian;

- Tujuan pembangunan perniagaan seperti analitik perniagaan untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang akan dirahsiakan atau diagregatkan dengan cara yang tidak mengenal pasti anda sebagai individu, jaminan kualiti, tinjauan pelanggan untuk menambah baik produk dan perkhidmatan kami yang sedia ada dan akan datang;
- Pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan;
- Tujuan kewangan seperti pengesahan kad pembayaran, penilaian kelayakan kredit, perakaunan atau audit; dan
- Penyelenggaraan dan penambahbaikan Laman Web seperti menyesuaikan pengalaman pengguna dengan kandungan dalam Laman Web kami untuk memaparkan produk dan perkhidmatan yang mungkin berkaitan dengan anda, latihan dalaman.

7. Perkongsian Maklumat Peribadi anda

Sehubungan dengan penggunaan Laman Web, produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda seperti berikut:

- Pemenuhan transaksi dengan pembekal produk dan perkhidmatan pihak ketiga seperti pengendali pelancongan, pembekal pengangkutan dan penginapan, pembekal insurans dan aktiviti, dimana anda telah meminta atau melanggan produk atau perkhidmatan mereka;
- Pengendali rangkaian pembayaran dan pembekal pengesahan kad kredit (cth. VISA, MasterCard);
- Rakan kongsi perniagaan yang kami mungkin bersama-sama menawarkan produk dan perkhidmatan tertentu, atau produk atau perkhidmatan yang mungkin ditawarkan di Laman Web kami. Jika anda memilih untuk mengakses produk atau perkhidmatan pilihan ini, kami kadangkala akan berkongsi maklumat peribadi anda dengan rakan kongsi tersebut. Contoh rakan kongsi perniagaan ialah (i) program kesetiaan pihak ketiga yang anda akan memperoleh mata, melalui tempahan, atau (ii) penyedia pelancongan atau aktiviti pihak ketiga yang kami berkongsi maklumat berkaitan dengan lawatan/aktiviti yang anda tempah melalui Laman Web kami;
- Pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dipercayai yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data untuk kami. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami hanya akan memproses maklumat seperti yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka, berdasarkan arahan kami dan mematuhi sebarang langkah keselamatan dan kerahsiaan lain yang sesuai. Mereka tidak dibenarkan berkongsi atau menggunakan maklumat untuk tujuan lain;
- Kumpulan syarikat gabungan kami yang mempunyai akses kepada maklumat ini dengan kebenaran kami dan yang perlu mengetahui atau mempunyai akses kepada maklumat ini agar kami dapat: (i) memberikan anda produk dan perkhidmatan secara konsisten; (ii) audit dalaman atau penyiasatan; atau (iii) sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai;
- Jika diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda jika kami mempunyai kepercayaan suci hati bahawa pendedahan itu adalah semunasabahnya diperlukan untuk kami: (i) mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, proses undang-undang atau permintaan kerajaan yang boleh dikuatkuasakan atau tuntutan undang-undang; (ii) melindungi kepentingan sah kami seperti untuk menguatkuasakan atau menggunakan terma dan syarat yang terpakai pada produk dan perkhidmatan kami, atau untuk mengesan, menyiasat, mencegah atau sebaliknya menangani sebarang penipuan, menyalahi undang-undang, keselamatan atau salah laku lain; atau (iii) melindungi daripada bahaya kepada hak, harta atau keselamatan DRH, pengguna kami, atau orang lain; dan
- Penstrukturan semula korporat atau pelaksanaan seperti sebarang penjualan, pemindahan atau penyerahan hak perniagaan, aset atau liabiliti kami kepada pihak lain, atau peralihan produk dan perkhidmatan kami kepada pembekal perkhidmatan lain. Kami akan meminta persetujuan anda jika diperlukan oleh undang-undang yang terpakai.

8. Komunikasi Pemasaran

Anda boleh memilih cara anda menerima komunikasi pemasaran daripada kami. Semua komunikasi pemasaran yang kami hantar kepada anda akan memberi anda cara untuk menarik balik persetujuan jika anda tidak lagi berminat untuk menerima sebarang komunikasi pemasaran di masa hadapan. Jika anda tidak lagi mahu menerima komunikasi pemasaran, anda boleh menarik diri daripada menerima komunikasi pemasaran daripada kami pada bila-bila masa dengan menggunakan pautan "nyahlanggan" atau melalui pilihan mekanisme lain dalam komunikasi pemasaran atau saluran kami. Kami akan memenuhi permintaan anda dalam masa yang munasabah selepas menerimanya atau lebih awal jika dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan. Sila ambil perhatian bahawa jika anda berhenti melanggan komunikasi pemasaran, anda masih akan menerima mesej operasi dan perkhidmatan daripada kami mengenai tempahan anda dan jawapan kepada pertanyaan anda yang dibuat kepada kami, dan kami mungkin menyimpan butiran anda supaya kami tidak menghantar komunikasi pemasaran kepada anda pada masa hadapan.

9. Melindungi Maklumat Peribadi Anda

Kami mengekalkan langkah keselamatan fizikal dan elektronik yang munasabah untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada pendedahan, akses, pengubahan, kehilangan atau kemusnahan secara tidak sengaja atau yang menyalahi undang-undang. Kami akan menjamin penyimpanan maklumat peribadi anda dengan mematuhi langkah keselamatan minimum yang ditetapkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010, peraturan dan piawaiannya, dengan cara berikut:

- mendaftarkan mereka yang mempunyai akses kepada maklumat peribadi;
- mengawal dan menghadkan akses berdasarkan keperluan;
- mengekalkan rekod akses, perkongsian dan pemindahan maklumat peribadi yang betul;
- memastikan pekerja kami terlibat dalam pengumpulan atau pemprosesan maklumat peribadi untuk melindungi kerahsiaan maklumat yang sama;
- mewujudkan prosedur keselamatan fizikal;
- memastikan pihak ketiga terikat dalam pemprosesan maklumat peribadi;
- elakkan menggunakan peranti boleh ubah dan perkhidmatan pengkomputeran awan (cloud) untuk memindahkan atau menyimpan maklumat peribadi melainkan dengan kebenaran bertulis daripada pengurusan atasan kami; dan
- menjalankan program kesedaran kepada semua pekerja tentang tanggungjawab untuk melindungi maklumat peribadi.

10. Tempoh Penyimpanan Maklumat Peribadi Anda

Setiap kali kami mengumpul atau memproses maklumat peribadi anda, kami hanya akan menyimpannya selama yang diperlukan untuk menyediakan Produk dan/atau Perkhidmatan kami, untuk melaksanakan hak undang-undang kami, untuk melindungi kepentingan kami atau orang lain, dan untuk mematuhi semua undang-undang atau peraturan yang berkaitan. Jika tiada justifikasi yang mencukupi untuk mengekalkan maklumat peribadi anda, maklumat peribadi tersebut akan dipadamkan, dilupuskan, disekat dan/atau dirahsiakan contohnya melalui pengagregatan dengan data lain supaya ia boleh digunakan dengan cara yang tidak boleh dikenal pasti untuk analisis statistik.

11. Hak Anda

Anda boleh mengemukakan permintaan untuk menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghubungi kami. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk tidak memberikan maklumat peribadi tertentu, atau membenarkan penggunaan dan pendedahannya, ini mungkin menghadkan produk dan perkhidmatan yang kami boleh tawarkan kepada anda dan, pada keadaan tertentu, menyekat keupayaan kami untuk memenuhi transaksi anda dengan kami.

Anda boleh mengakses, atau meminta kami untuk mengubahsuai, mengemaskini atau memadam maklumat peribadi anda yang kami kumpulkan menurut Penyataan Privasi ini, dengan menghubungi kami di general@drh.com.my dan jika perlu, membayar yuran yang berpatutan jika dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan. Sila ambil perhatian bahawa, dalam keadaan tertentu, kami mungkin tidak dapat membenarkan anda mengakses, mengubahsuai atau mengemaskini maklumat peribadi tertentu (cth. jika maklumat peribadi anda disambungkan dengan maklumat peribadi orang lain, atau atas sebab undang-undang), atau dikehendaki menyimpan beberapa maklumat peribadi anda selepas anda meminta pemadaman, untuk memenuhi kewajipan undang-undang atau kontrak kami.

12. Pengendalian “Cookies” DRH dalam talian

Kami menggunakan cookies untuk mengenal pasti maklumat pilihan anda, menjejaki tempahan dan pembelian anda serta memudahkan pentadbiran Laman Web kami. Cookies ialah fail kecil yang mengandungi maklumat yang dimuat turun ke peranti anda apabila anda melayari Laman Web kami serta membantu kelancaran navigasi laman web dengan menyesuaikan maklumat mengikut keperluan anda. Cookies itu sendiri tidak mengenal pasti pengguna individu, hanya komputer yang digunakan. Anda tidak diwajibkan untuk menerima cookies. Jika anda bimbang, anda boleh menukar tetapan di komputer atau peranti anda sama ada untuk menerima semua cookies, untuk memberitahu anda apabila cookies dikeluarkan, atau untuk tidak menerima cookies pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, penyahdayaan cookies oleh anda mungkin menyebabkan anda tidak akan dapat menggunakan kesemua fungsi yang ada dalam Laman Web kami.

13. Pautan ke Laman Web Pihak Ketiga

Kami mungkin menyediakan pautan ke laman web atau platform lain (termasuk platform pemesejan sosial seperti WhatsApp, Facebook Messenger dan lain-lain) yang tidak dimiliki dan dikendalikan oleh kami (“**Laman Web Pihak Ketiga**”) dalam Laman Web kami. Jika anda mengakses Laman Web Pihak Ketiga tersebut menggunakan pautan yang disediakan, pengendali Laman Web Pihak Ketiga ini boleh mengumpul maklumat peribadi anda. Untuk menentukan cara mereka berurusan dengan maklumat peribadi anda, anda harus membaca penyataan privasi masing-masing kerana kami tidak bertanggungjawab ke atas Laman Web Pihak Ketiga yang lain atau amalan privasi mereka. Kami tidak memikul tanggungjawab atau liability dalam apa jua bentuk sekalipun untuk aktiviti yang dijalankan atau maklumat yang terkandung dalam Laman Web Pihak Ketiga.

14. Pemindahan Maklumat Peribadi anda ke luar Malaysia

Kami mungkin memindahkan dan menyimpan maklumat peribadi anda di luar Malaysia mengikut terma dan piawaian seperti yang dinyatakan dalam Penyataan Privasi ini. Jika maklumat peribadi anda dipindahkan kepada pihak ketiga lain seperti yang dinyatakan di atas di luar Malaysia, kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan maklumat peribadi tersebut dipindahkan dengan selamat dan diproses mengikut undang-undang yang terpakai untuk mengekalkan privasi anda.

15. Kemaskini kepada Penyataan Privasi kami

Kami boleh menyemak dan mengemaskini Penyataan Privasi ini dari semasa ke semasa dan tanpa notis untuk mencerminkan perubahan dalam undang-undang, penggunaan baharu atau yang tidak dijangka, yang sebelum ini tidak didedahkan dalam Penyataan Privasi kami, perubahan dalam amalan privasi kami, atau kemajuan dalam teknologi. Sebarang semakan atau perubahan akan dinyatakan dalam Pernyataan Privasi ini dan oleh itu anda harus menyemak Penyataan Privasi kami secara berkala supaya anda mengetahui amalan privasi terkini kami.

16. Nota-nota Tambahan

Penyataan Privasi ini pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan dalam Bahasa Malaysia disediakan untuk kemudahan anda. Sekiranya berlaku konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

17. Hubungi Kami

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Penyataan Privasi ini, amalan privasi kami atau ingin melaksanakan mana-mana hak anda seperti yang dinyatakan di atas, sila hubungi pegawai privasi data kami melalui e-mel di general@drh.com.my atau dengan menghantar surat berdaftar kepada alamat di bawah:

Destination Resorts and Hotels Sdn Bhd
Tingkat 8, Menara Surian, No. 1 Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.